



Dibawakan Khas oleh PERMODALAN NASIONAL BERHAD

## KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera  
14 Disember 2020

### **MINGGU SAHAM DIGITAL PNB CATAT LEBIH 2 JUTA TONTONAN**

*MSD realisasikan matlamat PNB untuk tingkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia*

**Kuala Lumpur, 14 Disember 2020** – Minggu Saham Digital (MSD) anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) selama seminggu – sebuah adaptasi digital Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) – berakhir dengan sambutan yang amat menggalakkan setelah mencatatkan lebih dua juta tontonan dalam tempoh tujuh hari. Program hiburan didik yang bersiaran langsung dan bertemakan #LaburBersama, bertujuan untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia dari semua peringkat umur, melalui pelbagai program yang memfokuskan kepada kepentingan melabur dan merancang kewangan.

MSD telah berjaya mencapai 7.5 juta capaian unik di laman Facebook rasminya dan meraih 2.2 juta tontonan terkumpul di laman rasmi MSD iaitu Facebook, saluran YouTube, dan laman web dengan 11.5 juta tayangan (*impression*).

Di Majlis Pengumuman Pemenang MSD yang diadakan secara maya pada 10 Disember yang lepas, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, “Kami sangat berbesar hati dengan penerimaan luar biasa MSD yang julung kali diadakan dan telah melebihi jangkaan kami. Langkah menuju penganjuran Minggu Saham secara digital telah membantu kami memperluas jangkauan kami kepada lebih ramai rakyat Malaysia”.

Laman web rasmi MSD telah dikunjungi sebanyak 1.3 juta kali, peraduan *Eh Mana Kod?* telah meraih lebih daripada 540,000 penyertaan daripada lebih 27,000 peserta, manakala konsert mega maya *Pass the Mic!* mencatatkan lebih daripada 80,000 tontonan.

Sebagai tanda penghargaan, PNB memberi peluang kepada orang ramai yang mengikuti program MSD untuk memenangi hadiah bernilai lebih daripada RM500,000 menerusi pelbagai peraduan yang diadakan sebelum dan semasa MSD. Senarai pemenang dan hadiah peraduan adalah seperti berikut:

- Peraduan *Eh, Mana Kod?* mencatatkan seramai 27,339 peserta, yang telah menghantar sejumlah 547,116 kod. Linclon Sengalang Anak Juing, 24 tahun, dari Sarawak, diumumkan sebagai pemenang hadiah utama yang memenangi Ford Ranger 2.0L XLT Plus 4WD.

- Pemenang hadiah utama peraduan *Say What* yang diadakan semasa konsert mega maya *Pass the Mic!* ialah Iffah Sorfina binti Mohamad Naim, 19 tahun, dari Kuala Lumpur, berjaya membawa pulang Perodua Aruz. 10 pemenang yang lain masing-masing menerima e-baucar Lazada bernilai RM500.
- Peraduan *Live Trivia* dan *Live Trivia Bonanza* yang diadakan lebih daripada 23 sesi, menerima 13,000 penyertaan dan seramai 230 peserta telah memenangi e-baucar Lazada yang keseluruhannya bernilai RM46,750.
- Manakala untuk peraduan *#LakaranJuara*, reka bentuk yang terpilih sebagai pelitup muka rasmi MSD 2020 dimenangi oleh Siti Fairuz binti Ahmad dari Kuala Lumpur yang telah memenangi e-baucar Lazada bernilai RM1,000.
- Seramai 2,500 pemenang cabutan bertuah juga menerima e-baucar Lazada yang keseluruhannya bernilai RM125,000.

MSD memaparkan lebih daripada 70 program hiburan didik bertujuan untuk merapatkan jurang literasi kewangan dan mendorong semua rakyat Malaysia untuk meningkatkan pengetahuan kewangan diri dan keluarga dengan memanfaatkan peralatan dan sumber yang sedia ada.

Konsert mega maya *Pass the Mic!* telah mengumpul sebanyak 87,059 tontonan pada 21 November 2020 di laman rasmi Facebook MSD. Konsert secara maya ini menampilkan persembahan daripada artis-artis berbakat seperti Hael Husaini, Akim Ahmad, Dayang Nurfaizah, K-Clique, DJ Cza dan Aman Ra, yang membuat persembahan secara langsung di rancangan tersebut.

MSD turut menawarkan khidmat perancangan kewangan melalui sesi bersemuka bersama perunding dari ASNB, AmBank (M) Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Bank Berhad dan RHB Bank Berhad. Konsultasi persendirian selama 30 minit ini dilakukan secara maya menerusi [Join.Me](https://www.join.me).

PNB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat-syarikat pelaburannya yang telah menjayakan inisiatif digital yang baharu. **Rakan Premier** MSD adalah Maybank, Sime Darby Plantation Berhad dan UMW Holdings Berhad. Sime Darby Berhad, Sime Darby Property Berhad, S P Setia Berhad, MIDF Berhad dan Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (Perodua) adalah **Rakan Utama**, manakala MNRB Holdings Berhad, CCM Berhad, Duopharma Biotech Berhad, Velesto Energy Berhad, Sapura Energy Berhad dan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) adalah dalam kategori **Rakan**.

PNB juga merakamkan ucapan terima kasih kepada kepada semua rakyat Malaysia yang telah mengikuti acara maya ini, agensi kerajaan dan badan kawal selia, ejen-ejen yang turut sama terlibat iaitu AmBank (M) Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Group Holdings Berhad dan RHB Bank Berhad serta rakan acara iaitu Asia School of Business, Attana Hotels & Resorts Sdn Bhd, Jewel Digital Ventures Sdn Bhd, PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad dan Raiz Malaysia Sdn Bhd yang telah sama-sama menjayakan transformasi MSAM daripada sebuah acara fizikal mengikut lokasi kepada acara yang dianjurkan di platform digital.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.minggusahamdigital.com.my](http://www.minggusahamdigital.com.my) atau @minggusahamdigital di Instagram dan Facebook.

— TAMAT —

## **MENGENAI PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Untuk pertanyaan media dan temuramah, sila hubungi:**

1. Inga Jawahir, Commas PR | [inga@commaspr.com](mailto:inga@commaspr.com) | 016-256 6079
2. Aiman Affifudin, PNB | [aiman@pnb.com.my](mailto:aiman@pnb.com.my)

## **Lampiran**

### **Pemenang *Eh, Mana Kod?*:**

- Pemenang hadiah utama: Linclon Sengalang Anak Juing (960620 - xx - xxxx)  
Hadiah: Ford Ranger 2.0L XLT Plus 4WD
- Tempat kedua: Mohammad Aliff bin Abd Rahman (920823 - xx - xxx)  
Hadiah: Toyota Vios 1.5G (AT)
- Tempat ketiga: Abdul Kabir bin Hoyaeli (930721 - xx - xxx)  
Hadiah: Yamaha R25
- Pemenang motosikal cub Honda Dash 125 S adalah:
  1. Zubaidah binti T.M. Hamid (650115 - xx - xxxx)
  2. Muhammad Hisyam bin Abd Rahman (881011 - xx - xxxx)
  3. Tie Mei Chu (830605 - xx - xxxx)
  4. Sarinah binti Awang (860809 - x - xxxx)
  5. Rosnani binti Said Fikri (720713 - xx - xxxx)
  6. Amiruddin bin Mad Yusuf (880921 - xx - xxxx)
  7. Intan Zarina binti Ahmad (860327 - xx - xxxx)
  8. Joyce Gabriel Henry Kubot (890206 - xx - xxxx)
- Pemenang yang memenangi RM250 masing-masing untuk aplikasi mikro-pelaburan Raiz:
  1. Nor Nazrina binti Mohamad Nazry (841210 - xx - xxxx)
  2. Samsolizam bin Johari (780601 - xx - xxxx)
  3. Nor Balqis binti Md Zohri (850416 - xx - xxxx)
  4. Rafiza binti Ramli (830803 - xx - xxxx)
  5. Muhammad Amin bin Zainorazman (971025 - xx - xxxx)
  6. Nor Arfah binti Onwi (801018 - xx - xxxx)
  7. Noor Farhana binti Md Ali (951121 - xx - xxxx)
  8. Mohd Safuan bin Hazahar (870113 - xx - xxxx)
  9. Sarojini A/P Kandiah (560822 - xx - xxxx)
  10. Zulaikha binti Al Ishaqi (961225 - xx - xxxx)

**Pemenang peraduan Say What:**

- Pemenang hadiah utama: Iffah Sorfina binti Mohamad Naim (011219 - xx - xxxx)  
Hadiah: Perodua Aruz
  
- 10 Pemenang Bertuah masing-masing menerima e-baucar Lazada bernilai RM500:
  1. Abdullah bin Omar (820610 - xx - xxxx)
  2. Muaz bin Mohd Marzuki (991115 - xx - xxxx)
  3. Muhd Firdaus bin Zolkepley (860606 - xx - xxxx)
  4. Nurulintan Fadzillah binti Zainal Abidin (810502 - xx - xxxx)
  5. Mohd Faisal bin Ahmad Mansor (711003 - xx - xxxx)
  6. Sharuddin bin Darmawan (70091 - xx - xxxx)
  7. Zool Khibri bin Hadaiau (750830 - xx - xxxx)
  8. Nur Ayuni binti Adanan (871020 - xx - xxxx)
  9. Nor Farah Liana binti Mohamed Nasir (830302 - xx - xxxx)
  10. Norshila binti Ngah (910329 - xx - xxxx)

**Pemenang peraduan #LakaranJuara**

- Siti Fairuz binti Ahmad (851111 - xx - xxxx)  
Hadiah: e-Baucar Lazada bernilai RM1,000